

Lawatan Kerja NCRC ke UMT Membuahkan Hasil Memberangsangkan Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 07 Februari 2011 17:02

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC)



07 Februari 2011 / 04 Rabiul Awal 1432 H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Lawatan Kerja NCRC ke UMT Membuahkan Hasil Memberangsangkan

NCRC Online : Lawatan kerja rasmi Northern Corridor Research Centre (NCRC),Universiti Utara Malaysia ke Industry Networking and Community Service Center (INSCOMS), Universiti Malaysia Terengganu telah diadakan pada Rabu 26 Januari 2011 yang lalu.

Lawatan kerja tersebut telah berjaya menjalinkan hubungan baik di antara kedua-dua jabatan untuk bekerjasama dalam mencapai hasrat universiti dan kerajaan melalui bidang masing-masing khususnya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui kewujudan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER). NCRC dan INSCOMS akan terus mengadakan rundingan untuk membuat penyelidikan bersama UUM dan UMT pada masa hadapan.

Lanjutan kepada lawatan NCRC ke INSCOMS tersebut, NCRC juga mengadakan perbincangan dengan Yang Berbahagia Prof. Dr Ibrahim Mamat , Pengarah Pusat Pembangunan Sosio Ekonomi (PPSE) ,UMT yang merupakan sebuah lagi pusat tanggungjawab di UMT yang juga menjalankan program-program berkaitan dengan penyelidikan berteraskan ECER. Perbincangan dan sesi percambahan minda dengan PPSE juga memberi banyak input untuk NCRC dalam menjalankan aktiviti berkaitan NCER.

Secara ringkasnya, NCRC , INSCOMS dan PPSE mempunyai halatuju yang sama iaitu menjadi pusat rujukan akademik bagi pembangunan wilayah di dalam koridor masing-masing.